KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PERKUKUH USAHA TANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA

KUALA LUMPUR, 5 NOVEMBER 2026 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus komited memperkukuh usaha pencegahan, perlindungan, intervensi awal dan pemulihan bagi menangani keganasan rumah tangga secara menyeluruh melalui kerjasama strategik pelbagai pihak.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri berkata, keganasan rumah tangga bukan sekadar isu dalaman keluarga, sebaliknya merupakan isu keselamatan dan pelanggaran hak asasi manusia yang memerlukan tindakan bersepadu serta sistematik.

Menurut beliau, keganasan rumah tangga bukan sahaja melibatkan penderaan fizikal, malah turut merangkumi penderaan emosi dan psikologi, keganasan seksual, ugutan, kawalan kewangan serta ancaman melalui penyalahgunaan teknologi digital. Beliau berkata demikian sempena Simposium Pengukuhan Polisi kepada Realiti Keganasan Rumah Tangga: Mendepani Cabaran dan Pemerkasaan Institusi Kekeluargaan di Kuala Lumpur, hari ini.

Simposium yang dilaksanakan dalam dua siri, iaitu pada 5 hingga 6 November 2026 di Kuala Lumpur dan pertengahan November 2026 di Kelantan, menjadi platform mendapatkan pandangan pelbagai pemegang kepentingan termasuk agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penyelidik serta para pemandiri keganasan rumah tangga.

Segala input daripada simposium ini akan dianalisis dan dirumuskan ke arah penyediaan laporan hala tuju dan resolusi bagi menangani isu keganasan rumah tangga, sekali gus memperkukuh mekanisme sokongan dan perlindungan kepada mangsa.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 7,391 kes keganasan rumah tangga direkodkan pada tahun 2025 berbanding 7,116 kes pada tahun 2024, iaitu peningkatan sebanyak 3.9 peratus. Sementara itu, sebanyak 5,862 kes dilaporkan sehingga September 2026.

Sehubungan itu, KPWKM terus memperkukuh ekosistem perlindungan melalui pelaksanaan Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) 2026–2030 serta pelbagai inisiatif termasuk Program Wonderful Life oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM),

Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga dan Program Sukarelawan Skuad WAJA oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW).

Usaha ini turut diperkukuh melalui perkhidmatan kaunseling dan intervensi psikososial menerusi kaunselor berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM), serta perkhidmatan sokongan sosial melalui Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Pendekatan inklusif KPWKM turut memberikan perhatian kepada golongan lelaki melalui Modul Kebapaan: Peneraju Kepimpinan Keluarga serta Kajian Lelaki Budiman oleh Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Bagi memastikan masyarakat mempunyai akses kepada saluran bantuan, Talian Kasih 15999 terus beroperasi 24 jam sehari sepanjang tahun, selain perkhidmatan WhatsApp di 01926-15999 bagi menerima pertanyaan, aduan dan permohonan bantuan termasuk berkaitan keganasan rumah tangga.

KPWKM menegaskan bahawa usaha menangani keganasan rumah tangga merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan sinergi merentas kementerian, agensi, NGO dan seluruh lapisan masyarakat bagi memastikan setiap individu dapat hidup dalam persekitaran yang selamat, inklusif dan bermaruah.

Turut hadir YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM; YBhg. Dato' Ruziah binti Haji Shafei, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan); YBrs. Encik Mohd Daud bin Mohd Arif, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); serta ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan.

###

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
5 NOVEMBER 2026